

## REKA BENTUK PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN LAMAN SESAWANG

Muh. Fihris Khalik, Norazah Mohd Nordin, Maimun Aqsha Lubis<sup>\*</sup>

### ABSTRACT

The aims of the research were to develop and evaluate a website of Arabic teaching for Senior High School (SMA) that offers interactive, effective and innovative learning environment. The research methodology involved two phases: (i) development of Arabic website and (ii) evaluation of website from the aspects of pedagogical approaches and multimedia elements. In the development phase the researcher used analysis, design, development, implementation, evaluation (ADDIE) model. And in the evaluation phases the researcher used formative, summative and the pre and the post test assessment. The effectiveness test was conducted to determine the Arabic achievement of students who used website compared to students who used conventional methods. The research findings revealed that website has successfully created interactive, effective and innovative learning environment. It was also revealed that students who used website had performed better than students who used conventional methods in learning Arabic. This research had successfully contributed to the following: (i) the design of the development methodology of the Arabic website; BEBAS (ii) the design of the instructional design model of website; (iii) the prototype of the Arabic website; BEBAS (iv) the developments of the following modules: Tutorials, Exercises, Download, Communication, and Links; and (v) the findings of the usability test conducted on the Arabic website. The website could be considered as an alternative teaching and learning virtual tool in exploring the skill of Arabic.

Kata Kunci: Reka bentuk, pembelajaran bahasa Arab, laman sesawang

### Pendahuluan

Model pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Indonesia, pada amnya masih menggunakan kaedah tradisi (Fahrurrozi, 2012). Penggunaan media sebagai alat bantu mengajar dalam kalangan guru belum lagi meluas. Kenyataan tersebut secara tidak langsung turut pula mempengaruhi hasil belajar pelajar (Fihris, 2016).

Penggunaan internet bukan saja memudahkan pelajar untuk belajar, bahkan memudahkan tugas guru untuk menyediakan bahan pengajaran serta menyelia aktiviti yang dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran (Nazri Sukur, 2010 dan Mulyasa, 2013). Melalui laman sesawang interaktif, banyak konsep dan latihan dapat disampaikan untuk dikuasai oleh pelajar secara aktif dan koperatif. Guru tidak lagi mencatat latihan

---

<sup>\*</sup> Muh. Fihris Khalik (Dosen Tetap STKIP Muhammadiyah Enrekang), Norazah Mohd Nordin (Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia), Maimun Aqsha Lubis (Dosen Senior Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia)


dan melukis gambar rajah di papan hitam. Namun, guru dapat mengurangkan masa untuk memberi kefahaman kepada pelajar melalui gerakan animasi yang menarik dan jelas yang sedia ada dalam laman (Mubarak, 2012).

Merujuk kepada hasil laporan temubual dengan beberapa guru secara umumnya mendapati bahawa kaedah, strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah masih konvensional. Pengajaran dan pembelajaran secara konvensional ini menyebabkan pelajar kekurangan minat dan motivasi belajar. Masa pembelajaran yang terhad dan kekurangan mendapatkan sokongan sumber matlamat turut pula dirasai oleh pelajar (Fihris, 2016).

Bagi mengatasi permasalahan tersebut, pembelajaran menerusi laman sesawang adalah satu model pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif, kosnya rendah, jimat, lebih memotivasikan pelajar dan dapat digunakan bila-bila masa dimana jua ada internet (Febita, 2012). Oleh yang demikian, laman sesawang bahasa Arab ini dibangunkan berdasarkan teknologi sesawang yang menitikberatkan unsur-unsur multimedia interaktif dan pengintegrasian teori dan strategi pembelajaran yang sesuai. Antara keuntungan pembelajaran menerusi laman sesawang, penggunaan tidak terikat dengan mana-mana jadual waktu atau tempat (Rusman, 2013). Mereka boleh melayari laman sesawang ini pada bila-bila masa dan di mana juga (*at any time, any where*), selagi mana mereka mempunyai akses internet. Konsep pembelajaran ini baik bagi pelajar yang agak perlahan memahami sesuatu mata pelajaran bahasa Arab semasa di dalam bilik darjah. Pengulangan boleh dilakukan sekerap mungkin di luar bilik darjah.

### **Metodologi**

Kajian ini ialah eksperimen separa yaitu penelitian yang digunakan untuk menghasilkan produk tertentu, dan menguji keberkesanan produk tersebut (Fihris, 2016). Model pengembangan yang dijadikan landasan dalam penelitian ini adalah model ADDIE yang dikembangkan oleh Hannafin ( Fihris, 2016). Tahapan-tahapan yang dilakukan dalam penelitian ini meliputi : fasa Analisis, reka bentuk, pembangunan, implementasi dan penilaian.



Tahapan pembangunan laman sesawang bahasa Arab BEBAS

Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penelitian ini yaitu dengan wawancara, soal selidik dan tes. Observasi dilakukan saat pembelajaran berlangsung untuk mengetahui pelaksanaan kegiatan belajar mengajar. Dokumentasi disini berfungsi untuk memperoleh data gambar yang diambil saat dilaksanakannya penelitian, soal selidik digunakan untuk mengetahui sejauh mana kelayakan laman sesawang pembelajaran, tes digunakan untuk mengetahui hasil belajar siswa selama menggunakan laman sesawang pembelajaran.

### Pembahasan

Laman sesawang pembelajaran bahasa Arab yang dibangun ini berasaskan Model ADDIE yang terdiri secara piawai daripada fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa implementasi dan fasa penilaian. Menurut pengkaji model ini tepat digunakan sebagai panduan dalam menghasilkan laman seumpamanya. Pembangunan laman ini pula sangat memperhatikan entiti-entiti dalaman dan luaran. Entiti dalaman dalam laman ini merangkumi aspek seperti sukatan kandungan, model ID, perancangan penilaian formatif dan sumatif. Manakala entiti-entiti luaran pula, terdiri daripada aspek seperti objektif pembelajaran, persekitaran dan kumpulan sasaran.

Pembangunan laman yang teliti, tersusun dan sistematik, dan mengintegrasikan unsur-unsur multimedia interaktif memberi kesan yang positif kepada pelajar untuk melayari dan menaiki isi kandungan laman (Noralidah, 2010). Komputer dengan teknologi multimedia boleh digunakan untuk meningkatkan mutu pendidikan, suasana kerja dan menyokong misi sekolah (Rusman, 2013). Fihris (2016) mengatakan bahawa satu laman sesawang yang dibangun mendapat respon yang positif dari segi

kesesuaian, kebolehterimaan dan kebolegunaan laman sesawang dan menambah penggunaan pelbagai media mampu merangsang perkembangan kognitif pelajar melalui atribut media dalam kalangan pelajar.

#### 1. Pengaplikasian Unsur-Unsur Multimedia

Pembangunan laman sesawang pengajaran bahasa Arab BEBAS ini telah berjaya mengaplikasikan unsur-unsur multimedia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa laman yang dibangunkan ini telah memasukkan unsur-unsur multimedia. Penggabungan elemen-elemen seperti teks, grafik, audio, video, gambar dan sebagainya bagi menarik minat pelajar, dapat membantu pelajar mencapai penguasaan aspek kemahiran berbahasa Arab seperti penulisan, pembacaan, pertuturan, pendengaran dan tatabahasa menggunakan laman ini. Pengaplikasian unsur-unsur multimedia dalam laman menjadikan pembelajaran semakin menyengkan dan menarik perhatian dan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab. Dapatan kajian ini pula menjadi jawapan atas permasalahan pengajaran dan pembelajaran yang selama ini dirasai oleh pelajar kerana guru kurang mempelbagaikan pembelajaran di dalam bilik darjah. Penggunaan teks dan elemen-elemen multimedia mampu mengekalkan minat pelajar dalam mengikuti pembelajaran secara atas talian. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa teknologi memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam penulisan, pertuturan, pembacaan, pendengaran dan tatabahasa, selain membantu pelajar memperoleh maklumat dengan lebih berkesan. Demikian pula, komputer membolehkan pelajar menerokai dunia lain, mengakses maklumat dari pelusok dunia dan menghadapi pelbagai masalah yang kompleks. Kajian ini pula sehalu tuju dengan Pusat Perkembangan Kurikulum (PUSKUR) Kementerian Pendidikan Nasional pada tahun 2012, bahawa penggunaan komputer dalam P&P dapat membantu dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dan pengajar dan memberi satu pengalaman baru kepada mereka.

Penggunaan multimedia dalam pakej laman sesawang ini seperti gabungan teks, grafik, audio, video, animasi dan sebagainya diharapkan dapat menjadikan sesuatu persembahan atau prestasi menarik dan menambah minat pelajar mengikuti sesuatu mata pelajaran. Pengintegrasian unsur-unsur multimedia di dalam pembangunan laman sesawang bahasa Arab pula dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar menerokai pembelajaran bahasa Arab atas talian dan dapat mengekalkan interaksi pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru. Ianya juga dapat mengintegrasikan teknologi multimedia dan membantu pengajar dan pelajar dalam meningkatkan interaksi guru dengan pelajar.

Laman yang dibangunkan ini menyediakan alat perhubungan seperti e-mel, komen dan forum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min yang tinggi diperolehi bagi item-item berkaitan alat perhubungan ini. Penggunaan e-mel, chat/komentar dan forum dapat digunakan secara meluas oleh pelajar untuk memotivasikan pelajar belajar lebih terarah untuk mendapat maklumat yang dikehendaki oleh pelajar. Demikian juga dengan penggunaan media komunikasi seperti e-mel, forum, blog, *internet relay chat* (IRC), papan buletin dan seumpamanya dapat digunakan sebagai platform perbincangan, bertukar-tukar idea, menghantar tugas, memberi notis peringatan dan sebagainya.

Rangkakerja (*framework*) bagi pembelajaran berasaskan laman, ianya mesti meliputi tiga aspek yang utama iaitu (i) *learning tasks* (ii) *learning resources* dan (iii) *learning supports*. *Learning tasks* inilah yang merangkumi alat untuk berinteraksi seperti e-mel, chat dan forum. Penggunaan e-mel dan forum merupakan medium yang sesuai dan mudah untuk pelajar berinteraksi sesama kawan atau dengan guru.

## 2. Penerapan Aspek Interaktiviti

Pembangunan laman sesawang pengajaran bahasa Arab BEBAS ini telah berjaya mengaplikasikan aspek interaktiviti. Pengaplikasian aspek interaktiviti berkeupayaan untuk membaca data atau masukan maklumat dari pengguna dan seterusnya menyimpan ataupun memaparkannya kembali mengikut keperluan. Pembangunan laman sesawang yang statik dimana pengguna hanya dapat mengakses maklumat tanpa boleh berinteraksi dengan maklumat tersebut. Pembangunan laman sesawang dapat digunakan bagi tujuan menyimpan atau memaparkan maklumat, memberi maklum balas kepada pengguna, menyediakan ruangan perbincangan dalam talian (forum atau *discussion board*), menyediakan ruangan menghantar e-mel, menyediakan sistem pengurusan pengguna, menyediakan ruangan buku tamu (*guestbook*) dan banyak lagi.

Penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa mampu mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan penguasaan kemahiran bahasa pelajar. Persoalannya kini ialah sejauh manakah guru bahasa terutamanya bahasa Arab bersedia melaksanakan pengajaran menggunakan komputer atau internet dan tahap penguasaan guru serta kekangan yang dihadapi. Dalam beberapa kajian sebelumnya mereka mendapati penyediaan bahan pengajaran multimedia, penggunaan internet dan pembinaan laman sesawang agak kurang diberikan perhatian oleh guru bahasa. Pembelajaran berbasis komputer lebih efektif berbanding dengan pembelajaran model tradisional kerana pelajar akan lebih mudah dan seselah melakukan dan mengontrol belajar, memilih urutan pembelajaran, mudah mengerjakan tugas sekolah dan dapat melakukan evakuasi secara aktif dan mandiri.

## 3. Kandungan Modul dalam Laman

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian tentang pembangunan prototaip laman bahasa Arab bagi pelajar kelas XI di sebuah SMAN Maiwa berasaskan pembelajaran koperatif aktif. Prototaip ini dibina dengan menekankan lima aspek penguasaan bahasa yang utama iaitu pembacaan (القراءة), pertuturan (الكلام), penulisan (الكتابة), pendengaran (الإستماع) dan tatabahasa (التركيب). Kajian ini juga mengambil kira pengintegrasian unsur-unsur multimedia seperti teks, warna, animasi, bunyi, suara dan grafik dalam menerangkan isi kandungan serta menarik perhatian pelajar. Konsep yang dipakai adalah diharapkan dapat membantu pelajar mengikuti setiap topik daripada peringkat mudah kepada peringkat yang lebih kompleks.

Prototaip laman bahasa Arab telah dihasilkan berasaskan lima modul yang utama iaitu: (1) Modul Tutorial, (2) Modul Latihan, (3) Modul *Download*, (4) Modul Komunikasi, (5) Modul Link Interaktif, dan (6) Modul *About*. Setiap modul akan bercabang kepada bahagian lainnya. Pembangunan laman ini adalah berdasarkan Model Kitar Hayat Holistik yang mengambil kira semua aspek dari pelbagai fasa dan mensasarkan penguasaan menyeluruh pelajar terhadap kemahiran asas yang utama dalam

mempelajari bahasa. Laman ini boleh digunakan samada bersama atau tanpa pembimbing (guru). Ianya direka bentuk bagi menepati ciri-ciri sebuah laman pembelajaran dan sesuai dengan tahap pelajar peringkat asas (*beginner*). Berikut ini akan dihuraikan tentang skrin-skrin yang dapat dilihat oleh pelajar sebelum memasuki modul-modul pembelajaran yang disediakan dalam pembangunan laman ini.

#### i. Skrin Menu Utama (*Home*)

Apabila pelajar menaip URL (<http://www.fihrisarabsma.com>), maka skrin 'BELAJAR BAHASA ARAB ASYIK (BEBAS)' akan dipaparkan. Skrin menu utama ini mengandungi bar menu bagi pengenalan. Paparan skrin yang menggunakan grafik beranimasi dengan logo sebagai *trade mark* dan gambar-gambar yang berunsur tempatan bagi menunjukkan laman ini dibangunkan oleh warga Indonesia dan ianya mungkin yang pertama di Negara ini. Paparan skrin ini direka bagi mengambil perhatian atau mewujudkan cita rasa bagi melayari dan mengetahui maklumat lanjut dalam laman ini. Logo asas menggambarkan keaslian (*originality*) dan *trade mark* bagi laman ini. Logo Universiti Kebangsaan Malaysia menjelaskan secara langsung bahawa laman ini dibangunkan oleh pelajar UKM. Manakala logo KEMENDIKDASMEN menjelaskan secara langsung bahawa isi kandungan dalam laman diperuntukkan bagi pelajar SMA. Dalam pengenalan dan pembangunan sesebuah laman yang baru, Pemilihan logo UKM dan KEMENDIKDASMEN pula dilihat dapat menarik perhatian pengunjung kerana simbol ini sudah dikenali.



Contoh Skrin Menu Utama

Pada skrin menu utama ini, pelajar boleh mengklik pada menu sedia ada pembelajaran bahasa Arab bagi mengetahui matlamat laman ini. Bagi administrator, mereka boleh melihat perubahan dalam data pelajar dan boleh menghadkan sebarang *field* bagi item-item yang boleh dibaiki oleh pelajar. Akses kepada maklumat profil bagi pengguna boleh dilakukan oleh administrator melalui *back end* dan mereka mempunyai autoriti dalam memberi limitasi ke atas akses bagi pengguna jika keadaan memerlukan demikian.

#### ii. Skrin Modul Tutorial

Skrin modul Tutorial menggabungkan teks, grafik, audio dan video. Konsep *hyperlink* diterapkan bagi navigasi sub-topik di bawah modul ini. Kekuatan modul ini ialah ianya bukan sahaja memaparkan persembahan maklumat tetapi juga boleh dipautkan dengan modul yang lain bagi aspek pengukuhan dan pengayaan. Di setiap tutorial

diadakan ringkasan (*summary*) bagi membantu pelajar dalam mengingat perkara utama yang ditekankan dalam setiap tutorial.

Dalam skrin modul Tutorial ini, pelajar boleh melayari mana-mana modul dan keluar pada bila-bila masa. Modul Tutorial ini mengaplikasikan konsep pemusatan pelajar. Struktur modul tutorial ini dibangunkan mengikut struktur linear dan hierarki. Modul tutorial inilah yang menjadi nadi atau kekuatan kepada isi kandungan perisian ini kerana modul-modul lain yang dibangunkan adalah bagi menyokong atau mengukuhkan modul tutorial. Topik-topik di bawah modul tutorial ini pula merupakan topik yang sering dimasukkan bagi tahap bahasa Arab Asas. Topik yang dimasukkan dalam perisian ini diadaptasi dari kebanyakan sukatan mata pelajaran Bahasa Arab untuk tahap sekolah, seperti Hobi, Olah raga, Kesehatan, dan Sarana umum. Keempat-empat tajuk tersebut kalau diklik akan muncul empat sub tajuk lainnya iaitu; *al-Qiraah* atau *al-Muhadatsah*, *al-Mufradat*, *al-Qa'idah*, dan *al'Adad*.









### iii. Skrin Modul Latihan

Modul Latihan menyediakan koleksi latihan mengikut lima kemahiran bahasa yang asas iaitu: pendengaran (الإستماع), pertuturan (الكلام), pembacaan (القراءة), penulisan (الكتابة), tatabahasa (التركيب), dan *Imtihan*. Modul Latihan ini pula menyediakan soalan-soalan mengikut topik atau tema dalam modul Tutorial. Soalan yang disediakan adalah mengikut tahap mudah ke tahap yang lebih mencabar.. Pelajar bebas membuat mana-mana latihan mengikut kategori kemahiran yang ingin ditingkatkan. Pembinaan soalan

juga menggabungkan semua elemen multimedia seperti teks, audio, animasi, grafik dan sebagainya bagi membantu pelajar. Disediakan juga latihan lanjutan *imtihan* yang mengandungi soalan-soalan pada tahap yang lebih tinggi tetapi sesuai dengan tahap asas pembelajaran ini. Bentuk-bentuk soalan direka dengan menggunakan teknik yang pelbagai bagi menguji kefahaman pelajar. Bagi kemahiran mendengar disediakan soalan-soalan seperti dengar-lihat, dengar-tiru, dengar-tunjuk dan dengar-tulis. Bagi kemahiran bertutur disediakan pula soalan-soalan asas seperti lihat-baca, lihat ucap dan menyusun ayat dan kalimat. Bagi kemahiran membaca pula disediakan soalan-soalan seperti baca dan beri harakat, baca dan jawab dan baca dan terjemahkan. Bagi kemahiran menulis disediakan dua soalan asas iaitu menyusun ayat dan menyusun kalimat. Dan bagi kemahiran tatabahasa disediakan soala-soalan seperti benar-salah, menjodohkan kata dan membuat kalimat sederhana. Selain itu disediakan pula imtihan bagi mengukur kelima lima kemahiran dimaksud. Modul latihan ini boleh dijumpai pada bahagian berpelajar dalam laman ini.

Apabila pengguna mengklik butang menu tutorial akan muncul kelas XI. Jika memilih butang kelas XI akan muncul empat tajuk yang boleh dipilih oleh pelajar iaitu; Mendengar, Berbicara, Membaca, Menulis akan muncul dilayar empat tajuk utamanya, iaitu; Hobi, Olah Raga, Kesehatan dan Sarana Umum. Jika pelajar memilih butang latihan tatabahasa akan muncul dilayar empat pilihan tajuk utamanya, iaitu; Isim Tafdhil, Istifham, Zaraf dan kata Sifat. Manakala pelajar memilih butang Imtihan akan muncul dilayar mulai seterusnya pelajar boleh menjawab tiga soalan yang tersedia dan pada akhir latihan akan muncul dilayar markah pencapaian pelajar.

		
Contoh Skrin Modul Latihan	Contoh Skrin Pilihan Modul Kemahiran Mendengar	Contoh Skrin Pilihan Modul Kemahiran Mendengar
		
Contoh Skrin Pilihan Modul Latihan Bertutur	Contoh Skrin Pilihan Modul Latihan Bertutur	Skrin Modul Latihan Membaca



		
Skrin Modul Latihan Membaca	Contoh Skrin Pilihan Modul Latihan Menulis	Contoh Skrin Pilihan Modul Latihan Menulis
		
Contoh Skrin Pilihan Modul Tatabahasa	Contoh Skrin Pilihan Modul Tatabahasa	Contoh Skrin Mulai Modul Latihan Imtihan
		
Contoh Skrin Mulai Modul Latihan Imtihan		

#### iv. Skrin *Download*

Dalam modul *download* ini pelajar dapat mengambil sesuatu topik atau isi kandungan sesuatu tutorial itu dengan melakukan *download* di bahagian ini. Semua komponen dalam modul ini menggalakkan penglibatan aktif pelajar dan semangat kerjasama dalam menjayakan sesuatu tugas yang diberi. Di sinilah diterapkan nilai-nilai murni seperti bekerja secara berkumpulan (*team work*), tolong menolong dalam mencari penyelesaian dan membantu antara satu sama lain dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran yang disediakan dalam aktiviti tersebut.




Contoh Skrin *Download*

#### v. Skrin Modul Pautan (*Links*)

Terdapat dua komponen yang utama di bawah modul Pautan iaitu (i) *kamus on-line* dan (ii) *video*. Kedua-dua komponen di bawah modul ini mampu membantu pelajar

dalam pembelajaran mereka. Pautan yang disediakan adalah merupakan jalan pintas bagi pelajar bagi mendapatkan maklumat secara cepat dan berkesan. Pembelajaran menggunakan *al-Qamus* bergambar misalnya dapat membantu pelajar mengingat dan memahami maklumat yang dipersembahkan. Konsep yang diterapkan dibahagian ini ialah penjelajahan (*exploratory*) dan pencarian. Konsep penjelajahan ini selari dengan pendekatan sendiri pelajar dan bersesuaian dengan teori konstruktivisme di mana pelajar membina pengetahuan melalui proses pencarian atau penjelajahan.



#### vi. Skrin Modul Komunikasi

Dalam modul komunikasi ini disediakan bagi mengetahui dan memahami kandungan-kandungan yang ada dalam laman ini. Pembangunan modul ini bagi memudahkan pelajar berkomunikasi dengan guru dan pelajar jika ada materi atau latihan yang belum difahamkan oleh pelajar di dalam laman yang dibangunkan ini. Dalam modul ini ada dua bentuk komunikasi yang dinabngunkan iaitu komentar dan forum.



#### vii. Skrin Polling

Skrin modul Komunikasi terdiri daripada tiga pautan yang utama iaitu (i) Kemahiran membaca (ii) Kemahiran mendengar (iii) Kemahiran bertutur (iv) Kemahiran menulis dan (v) Kemahiran tatabahasa . Ini adalah alat perhubungan bagi guru dengan pelajar dan pelajar semasa pelajar. Strategi pendekatan yang digunakan dalam pembinaan modul Komunikasi ini adalah berdasarkan pembelajaran koperatif dan aktif.

Melalui modul ini, pelajar dapat memilih mana-mana model kemahiran yang sukar bagi pelajar selama menerokai laman ini tanpa mempunyai perasaan segan atau malu dan mereka dapat melakukan perbincangan yang mana aspek nilaia-nilai murni dapat dipupuk disini. Modul ini berfungsi sepertimana yang lainnya iaitu pelajar akan

menghantar beberapa pilihan untuk dibincangkan dengan guru. Dalam konteks ini pelajar akan memberi pandangan/jawapan berhubung dengan tajuk/isu yang dibincangkan oleh pengajar melalui sistem yang sama. Di samping mempelajari teori dan fakta, pelajar dapat mengaplikasikan pemahaman mereka kepada persekitaran yang sebenar. Pengajar berperanan untuk menilai dan memberikan ulasan/ulasan terhadap jawapan yang diterima.



Contoh Skrin Modul Polling

### Kesimpulan

Kajian ini telah membangunkan laman bahasa Arab dengan mengintegrasikan pendekatan pedagogi seperti tutorial dan latih-tubi sebagai asasnya. Pembangunan laman ini diteguhkan lagi dengan menerapkan teori pembelajaran teori konstruksi. Dengan model konsepsi yang berasaskan ciri-ciri seperti pendekatan pengajaran bahasa, pembangunan menyeluruh pelajar, modul yang sistematik dan terancang, rangkaian modul yang saling berkait antara satu sama lain serta pendekatan multisensori telah menjadikan pembangunan laman ini unik dan khas. Dengan mengintegrasikan unsur-unsur multimedia interaktif, pembangunan laman ini dapat meningkatkan pencapaian hasil belajar pelajar sebagaimana yang didapati dari ujian pra dan pasca yang dijalankan oleh kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah konvensional dan kaedah pembelajaran menggunakan laman dalam mengikuti pembelajaran bahasa Arab.

Penilaian pembangunan laman yang dibahagikan dan dibincangkan dalam dua bahagian iaitu penilaian ke atas metodologi pembangunan dan penilaian ke atas pengujian keberkesanan laman telah membuktikan bahawa laman ini dibangunkan mengikut pendekatan serta mengambil kira beberapa faktor dalam menjadikannya sebagai sebuah laman yang sesuai serta menepati matlamat asal kenapa ianya dibangunkan.

Akhir sekali, diharapkan laman ini memberi motivasi kepada pengajar dalam membangunkan bahan pengajaran berasaskan laman kerana melalui kajian ini didapati pendekatan pembelajaran atas talian membolehkan mengubah pendekatan pengajaran guru serta meningkatkan penglibatan dan pencapaian hasil belajar pelajar. Kajian ini juga diharapkan menyumbang dalam memperkayakan koleksi bahan pengajaran terutamanya dalam P&P bahasa Arab serta membantu pihak-pihak yang berkenaan (*stakeholders*) dalam merancang dan mengurus bentuk pengajaran di masa-masa akan datang. Dapatan kajian ini juga selari matlamat kurikulum tahun 2013 yang menfokuskan kepada pengukuhan bahan pengajaran serta menjadikan teknologi sebagai pemudahcara (*enabler*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran yang diajarkan di sekolah dan madrasah di seluruh Indonesia.

### Daftar Pustaka

- Aziz Fachrurrozi dan Esa Mahyuddin. 2012. *Pembelajaran Bahasa Arab*. Jakarta: Direktorat Pendidikan Islam Kementerian Agama Republik Indonesia.
- Endang Mulyasa. 2013. *Uji Kompetensi dan Penilaian Kinerja Guru*. Bandung: Remaja Rosdakarya
- Khalik, Muh. Fihris. 2016. *Pembangunan dan Penilaian Laman Sesawang Pembelajaran Bahasa Arab bagi Pelajar SMA Berasaskan Pembelajaran Kooperatif Aktif*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mubarok, Ahmad Syaiful. 2012. *Peningkatan Hasil Belajar Bahasa Arab dengan Menggunakan Media Video “MANAHIL” Di Madrasah Aliyah Az Ziyadah Jakarta Timur*. Kajian ini dilaksanakan di Madrasah Aliyah Az Ziyadah, Jakarta Timur. Skripsi. Jakarta: Fakultas Bahasa Dan Seni.
- Nazri Syakur. 2010. *Repolusi Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Yogyakarta: BIPA.
- Norlidah Alias. 2010. *Pembangunan modul pedagogi berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran Felder-Silverman Kurikulum Fizik Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah (Secara Kursus dan Disertasi). Universiti Malaya.
- Nurjanah, Febita. 2012. *Kesan Kegiatan Drama Berbahasa Arab Terhadap Kemahiran Berbicara Pada Pelajar Pondok Pesantren Daarul Rahman Jakarta Selatan*. Skripsi. Jakarta: Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Negeri Jakarta.
- Rusman. 2012. *Belajar dan Pembelajaran Berbasis Komputer: Mengembangkan Profesi Guru Abad 21*. Bandung: Alfabeta.
- Rusman. 2013. *Model-model Pembelajaran: Mengembangkan Profesionalisme guru*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.